



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	31/10/2019	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Denda RM5,000 miliki burung murai batu

Kuala Kangsar: Penoreh getah didenda RM5,000 selepas mengaku bersalah memiliki seekor burung murai batu dan 94 duri landak raya di Mahkamah Sesyen semalam.

Mohd Dzulfadzli Majid, 39, didakwa dengan dua pertuduhan memiliki hidupan liar yang dilindungi.

Pertuduhan pertama, dia didakwa memiliki seekor burung murai batu (*Copsychus malabaricus*) tidak matang iaitu hidupan liar dilindungi mengikut jadual pertama, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

Bagi pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 61 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan kedua, Mohd Dzulfadzli didakwa memiliki 94 duri landak raya (*Hyastrix brachyura*) yang juga tersebarai dalam jadual pertama Akta 716.

Dia didakwa mengikut Seksyen 60(1)(b) akta sama yang jika sabit kesalahan boleh dihukum denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mohd Dzulfadzli didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu jam 4 petang, 17 November 2017 di premis di Kampung Bongor, Gerik.

Tertuduh yang tidak diwa-



MOHD Dzulfadzli mengaku salah atas dua pertuduhan.

kili peguam mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), Norfadillah Abd Latif di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Mohd Dzulfadzli dalam rayuannya meminta mahkamah memberi hukuman ringan kerana hanya mengambil upah menoreh getah serta bekerja kampung selain perlu menjaga ibu berusia 80 tahun serta anak.

Rohaida menjatuhkan hukuman denda RM3,000 bagi pertuduhan pertama dan denda RM2,000 bagi pertuduhan kedua.

Tertuduh membayar denda yang dikenakan itu.